



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

PERPUSTAKAAN
SULTAN ABDUL SAMAD

www.lib.upm.edu.my



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

PENDAHULUAN

Program Literasi Maklumat disediakan oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk memberi tunjuk ajar dan panduan kepada pengguna (khususnya pengguna baharu) dalam mengenal pasti maklumat yang diperlukan. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pelajar, staf akademik dan bukan akademik.

Melalui program ini, pengguna diajar cara mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber secara berkesan. Ini membolehkan pengguna menjadi lebih cekap dalam pencarian maklumat dan seterusnya boleh menilai maklumat yang diperlukan. Program ini dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Perpustakaan Cawangan.

FAEDAH MENGIKUTI PROGRAM INI

- Pengguna akan diberi pendedahan tentang cara menggunakan perkhidmatan dan kemudahan dengan betul dan efektif.
- Pengguna dapat memahami kaedah dan strategi pencarian maklumat yang relevan dan terkini dengan cekap dan berkesan.
- Pengguna berupaya mengenal pasti dan dapat mengakses maklumat daripada pelbagai sumber bercetak dan elektronik.
- Pengguna mampu membina keyakinan diri dalam memperoleh ilmu dan maklumat untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.
- Pengguna berupaya membina kemahiran literasi maklumat dalam bidang masing-masing sebagai persediaan dalam menghadapi perubahan keperluan maklumat semasa.

MODUL PENGAJARAN YANG DISEDIAKAN

- Strategi Pencarian Maklumat
- Katalog Perpustakaan (WebOPAC) dan e-buku
- Pangkalan Data / Jurnal Elektronik
- "Refworks"
- Turnitin

STRATEGI PENCARIAN MAKLUMAT

Kelas Strategi Pencarian Maklumat merupakan sesi tunjuk ajar yang bertujuan untuk memberi panduan dan kemahiran kepada pelajar tentang kaedah mencari maklumat di Perpustakaan secara lebih sistematik dan berkesan bagi penyediaan tugasan dan kertas projek tahun akhir.

Kandungan modul meliputi:

- Mengetahui topik
- Pencarian maklumat daripada pelbagai sumber
- Penilaian maklumat dan mendapatkan teks penuh
- Menyinarai rujukan bibliografi mengikut format yang ditetapkan
- Sesi demonstrasi dan amali (pangkalan data)

KATALOG PERPUSTAKAAN (WEBOPAC) & E-BUKU

Kelas Katalog Perpustakaan merupakan sesi tunjuk ajar cara mengesan bahan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan. Pengguna akan diajar tentang:

- Bagaimana mengakses Katalog Perpustakaan
- Bagaimana membuat pencarian bahan
- Bagaimana membuat tempahan bahan
- Bagaimana menyemak rekod aktiviti anda
- Bagaimana memperbaharui pinjaman secara dalam talian (online renewal)

Pengguna juga diajar kaedah mengesan e-buku yang dilanggan oleh Perpustakaan.

PANGKALAN DATA / JURNAL ELEKTRONIK

Pengguna akan diperkenalkan dengan pelbagai jenis tajuk pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan. Pengguna juga akan dapat mengetahui konsep asas untuk menjalankan penyelidikan dengan menggunakan pangkalan data (cth: bidang carian, kosa kata, carian kata kunci, pencarian kaedah Boolean, sekatan, dll) dan akan memahami perbezaan antara sumber yang didapati daripada pangkalan data, jurnal elektronik dan sumber daripada Internet.

"REFWORKS"

Pengguna akan mempelajari kaedah menyusun dan menghasilkan senarai rujukan mengikut format yang diperlukan dengan menggunakan "Refworks".

NOTA

Semua kelas diadakan di Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Cawangan, kecuali jika ada permintaan untuk mengadakannya di tempat lain. Permohonan untuk mengadakan kelas literasi maklumat boleh dibuat melalui pensyarah / penyelia kursus / wakil kumpulan pelajar, dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di Bahagian Perkhidmatan Maklumat (atau berhubung terus dengan Pustakawan Penghubung) dan juga di Perpustakaan Cawangan.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi:

Pustakawan Penghubung / Penyelaras Program Literasi Maklumat
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8946 8625 / 8620
Faks: 03-89483745



INFORMATION LITERACY PROGRAMME

PERPUSTAKAAN
SULTAN ABDUL SAMAD

www.lib.upm.edu.my



INFORMATION LITERACY PROGRAMME

INTRODUCTION

Information Literacy Programme is provided by the Library to educate and guide users (especially new users) in identifying their information needs. This service is provided to students, academic and non-academic staff. Through this programme, users will be taught the effective way to get the information from various sources. This will enable users to be more effective in searching information and later will be able to evaluate the information needed. This programme is conducted by the Information Services Division and the Branch Libraries.

BENEFITS OF THIS PROGRAMME

- Library users will be taught on how to use the services and facilities in a proper and effective way.
- Library users will be able to understand the search strategies to get relevant and updated information effectively and efficiently.
- Enable library users to identify, access and evaluate information from various printed and electronic sources.
- Library users will increase their ability to develop self confidence in accessing information and knowledge for teaching, learning and research.
- Library users will increase their ability to develop their information literacy skill in their respected fields in preparation to face changes in current information needs.

PROGRAMME MODULES

- Information Search Strategy
- Library Catalogue (WebOPAC) & e-books
- Electronic Databases / Journals
- "Refworks"
- Turnitin

INFORMATION SEARCH STRATEGY

Information search strategy class aims to provide guidance and skills for a systematic and effective information search in preparation for assignments and final year projects.

The content of the module includes:

- Identifying topics
- Information searching from various sources
- Information evaluation and to get full text
- Standard format for bibliographic citation;
- Practical session (related to Databases)

LIBRARY CATALOGUE (WEBOPAC) & E-BOOKS

Classes on WebOPAC are conducted to teach library users how to trace materials available in the library collection. Users will be taught on:

- How to access library catalogue
- How to search for materials
- How to reserve books on loan
- How to check your activity record
- How to do online renewal

Users will also be taught on how to search e-book subscribed by the Library

ELECTRONIC DATABASES / JOURNALS

User will be introduced with the different types of databases subscribed by the Library. Users will be able to know the basic concepts to do research using databases (i.e. subject searching, controlled vocabulary, keyword searching, Boolean searching, limitation etc.), and will be to understand the difference between resources found in the databases, electronic journals and the resources from the internet.

"REFWORKS"

User will learn to organize, store, share and produce reference lists in a required format using "Refworks".

NOTE

All classes will be conducted at the Main Library and branch libraries, except if there is a request to conduct classes at other places. Request can be made through lecturers / course coordinator / student's group representative by completing the request forms available at Information Services Division (or directly contact liaison librarian) or at the branch libraries.

For further information, please contact:

Liaison Librarian / Coordinator Information Literacy Programme
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8946 8625 / 8620
Faks: 03-89483745

2015